

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**SOALAN**

Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran terperinci mengenai setiap laluan bas henti-henti di Negeri Sembilan yang ada lesen operasi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia (SPAD), nama syarikat pengusaha, panjang laluan perkhidmatan, anggaran penumpang tahunan, serta terimaan bantuan kewangan dari dana ISBSF untuk setiap laluan bas tersebut.

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat dua belas (12) buah syarikat pengendali bas berhenti-henti yang telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk beroperasi di Negeri Sembilan seperti berikut:
  - i. K.R Travel & Tours Sdn Bhd (Airport Liner);
  - ii. Syarikat Rembau Tampin Sdn Bhd (Cityliner);
  - iii. Cityliner Sdn Bhd (Cityliner);
  - iv. Kenderaan Labu Sendayan Sdn Bhd (Cityliner);
  - v. Syarikat Unitedbas Sdn Bhd (Unitedbas);
  - vi. LTS Passenger Transport Sdn Bhd (L.T.S.);
  - vii. Batang Bus Co. Sdn Bhd (S.G. Liner);
  - viii. The Southern Omnibus Berhad (Southern Omnibus);
  - ix. North South Speed Sdn Bhd (A-Class);
  - x. Sepang Omnibus Co. Sdn Bhd (Sepang Omnibus);
  - xi. Sistem Kenderaan Bumiputra Sdn Bhd (SKB); dan
  - xii. Gopi Travel Tours Sdn Bhd (GTT Liner);
2. Sejak tahun 2012, pengendali bas berhenti-henti yang beroperasi di Negeri Sembilan telah menerima bantuan sebanyak RM 41.8 juta melalui Bantuan Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF). Bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas henti-henti di Negeri Sembilan dianggarkan sekitar 520,000 orang setahun.

Sekian, terima kasih.